



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Rujukan Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (8)
Tarikh : 22 Februari 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,


DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477) 23/2
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 6/2021 (7 Februari hingga 13 Februari 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 06/2021 dari 7 Februari hingga 13 Februari 2021)

Pada minggu ke-06, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan tren penurunan dengan sebanyak 548 kes dilaporkan berbanding 607 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 59 kes (9.7%). Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-06. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 3,877 kes berbanding 18,473 kes bagi tempoh sama tahun 2021, iaitu penurunan 79% (14,596 kes) manakala jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 3 kematian berbanding 19 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 16 kematian (84.2%) **(Lampiran A & C)**.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ke-06 juga menurun kepada 10 lokaliti hotspot berbanding 12 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 60.0% atau 6 lokaliti dari keseluruhan 10 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, tiga (3) lokaliti hotspot (30.0%) di Negeri Sembilan dan satu (1) lokaliti hotspot (10.0%) di Melaka. **(Lampiran B & D)**.


Sistem surveilan jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-06 yang mana lapan (8) kes adalah dari Negeri Perak, masing-masing empat (4) kes dari Negeri Kedah dan Selangor serta masing-masing satu (1) kes dari Negeri Johor dan WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 115 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan

Zika, sebanyak 147 sampel darah dan 1 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Negara kini sedang berada pada penghujung fasa Monsun Timur Laut sehingga pertengahan bulan Mac 2021 di mana taburan hujan adalah rendah disertai dengan cuaca yang agak panas. Situasi ini akan memberi persekitaran yang optima untuk pembiakan nyamuk Aedes dan seterusnya mempertingkatkan transmisi denggi jika tidak dikawal. Tindakan pencegahan menghapuskan tempat pembiakan vektor pembawa virus Denggi iaitu nyamuk Aedes adalah amat penting untuk memutuskan rantai jangkitan Demam Denggi. Oleh itu, masyarakat perlu terus melakukan aktiviti pembersihan persekitaran dan pemusnahan tempat pembiakan Aedes. Disamping itu orang ramai perlu menggunakan kaedah sesuai untuk mencegah gigitan nyamuk seperti menggunakan repelan jika melakukan aktiviti di luar rumah, melakukan semburan aerosol di tempat terlindung di dalam rumah serta membubuh bahan pembunuh jentik-jentik di tempat berpotensi seperti di kolam air, longkang atau struktur yang menakung air. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 Februari 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 05 dan ke- 06 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 06 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-06 tahun 2021

Lampiran C

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 06/2021
(7 Februari hingga 13 Februari 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 06/2021		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 06/2020	
		Minggu Epid 06 (7 Februari – 13 Februari 2021)		Minggu Epid 05 (31 Januari – 6 Februari 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	2	0	12	0
2	Kedah	3	0	8	0	37	0	118	0
3	P. Pinang	6	0	6	0	75	0	182	1
4	Perak	18	0	17	0	98	0	558	1
5	Selangor	301	0	324	0	2,144	0	11,338	7
6	WP KL & Putrajaya	63	0	61	0	422	0	1,451	3
7	N. Sembilan	14	0	20	1	120	1	261	0
8	Melaka	23	0	29	0	154	0	291	2
9	Johor	54	0	68	0	403	1	1,435	3
10	Pahang	10	0	18	0	108	1	460	0
11	Terengganu	1	0	3	0	8	0	48	0
12	Kelantan	12	0	4	0	44	0	842	0
13	Sarawak	16	0	8	0	64	0	462	0
14	Sabah	27	0	41	0	198	0	1,012	2
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	3	0
	MALAYSIA	548	0	607	1	3,877	3	18,473	19

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 06/2021
(7 Februari hingga 13 Februari 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Usj 11/4	32	81
2	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	15	75
3	N SEMBILAN	Seremban	Taman Jasmin	15	73
4	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	18	58
5	N SEMBILAN	Seremban	Laman Delfina Nilai Impian	11	54
6	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	5	36
7	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	9	35
8	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai	8	34
9	MELAKA	M/Tengah	P/puri Taman Tasik Utama	16	33
10	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa F)	4	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 06/2021 (13 Februari 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Johor	Kluang	1	5
		Muar	1	
		Tangkak	3	
2	Kedah	Baling	1	41
		Kuala Muda	26	
		Kulim	11	
		Sik	3	
3	Kelantan	Kuala Krai	2	3
		Tanah Merah	1	
4	Melaka	Alor Gajah	1	10
		Melaka Tengah	9	
5	Perak	Kinta	1	33
		Kuala Kangsar	10	
		Larut, Matang & Selama	7	
		Manjung	15	
6	Pulau Pinang	Barat Daya	2	7
		Seberang Perai Utara	5	
7	Selangor	Gombak	2	13
		Hulu Langat	2	
		Klang	9	
8	WP Kuala Lumpur	Kepong	1	3
		Lembah Pantai	2	
JUMLAH			115	

